



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.4(3)
Tarikh : 5 Januari 2026
Bersamaan : 15 Rejab 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 3/2026 (K) : LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SUKUAN KEEMPAT (4) TAHUN KEWANGAN 2025

Dengan hormatnya perkara di atas dan emel daripada BPOPA, No.Ruj: JANM.100-1/7/6(20) bertarikh 17 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2022 – Lampiran B3 : Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan telah menetapkan supaya Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengemukakan Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan pada setiap suku tahun kepada JANM Negeri atau Bahagian Akaun Kementerian.
3. Sehubungan dengan itu, PTJ perlu mengambil tindakan seperti di Lampiran A bagi proses penyediaan, penyimpanan, dan penghantaran laporan. Semua laporan seperti di Lampiran A perlu disahkan oleh Ketua Jabatan dan laporan tersebut perlu dikemukakan secara *softcopy* kepada jabatan ini melalui e-mel upa_mlk@anm.gov.my selewat-lewatnya pada **13 Februari 2026 (Jumaat)** ke Jabatan ini **tanpa gagal**. Mohon patuhi tarikh yang ditetapkan bagi mengelakkan kelewatan penghantaran laporan ke Bahagian Akaun Kementerian seperti yang ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA).
4. Bersama-sama ini disertakan *template* bagi tujuan tindakan penyediaan laporan tersebut. *Template* ini juga boleh dimuat turun melalui pautan <https://drive.google.com/drive/folders/18Ogm4IC3wcTVOnOkj72VbXKlf2WtEZCs?usp=sharing>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.4(3)

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Aset di talian 06-2895038/ 5049/ 5047/ 5045/ 5041/ 5043 atau 019-6805002. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"


"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

JADUAL AKTIVITI PENYELENGGARAAN LAPORAN ASET BUKAN KEWANGAN SUKUAN KEEMPAT (4) TAHUN 2025			
1. TINDAKAN PTJ	LAPORAN	TARIKH	TANGGUNGJAWAB
➤ Jana Laporan Baki Aset (LBA) bagi tarikh seperti pada 31 Disember 2025 mulai 09.01.2026 dan edar kepada UPA dan UPF untuk semak keberadaan aset. Pastikan semua kod akaun aset di dalam LBA dijana dan disemak.	➤ Laporan Baki Aset (LBA) iGFMAS)	➤ Mulai 09.01.2026	PTJ (Unit Kewangan)
➤ Semak semua item dalam LBA dan keberadaan aset. Pastikan bilangan dan amaun aset di LBA disahkan dengan kewujudan fizikal aset di PTJ. ➤ Kemas kini maklumat dokumen sokongan bagi Tanah, Bangunan dan Infrastruktur. ➤ Sediakan Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan (Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Aset Tak Alih). – rujuk Tatacara Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan dan templat (TVA) yang disediakan oleh BPOPA. ➤ Kenal pasti item perbezaan, laksanakan tindakan pembetulan dan pelarasan. ➤ Tindakan pembetulan dan pelarasan merangkumi perakaunan Aset Hadiah/ Sumbangan dan Pindahan Masuk Aset bagi Aset Wujud tetapi Tiada di LBA (Aset Terkurang Nyata di Penyata Kewangan Kementerian); dan ➤ Pelupusan serta Pindahan Keluar Aset bagi Aset Tidak Wujud tetapi Ada di LBA (Aset Terlebih Nyata di Penyata Kewangan Kementerian).	➤ Laporan Perbezaan Baki Aset Bukan Kewangan (Aset Alih, Aset Biologi, Aset Tak Ketara dan Aset Tak Alih) ➤ [Lampiran B3-A-A1 & A2 serta Lampiran B3-B-A1 & A2]	➤ Mulai 09.01.2026 hingga 13.02.2026	PTJ (UPA / UPF / Unit Kewangan)

